

# Barangan 'pig skin' dalam Johor Premium Outlet

MINGGU lalu saya sekeluarga bercuti tiga hari dua malam ke Johor Bahru. Terpegun saya apabila melihat mercu tanda Johor Premium Outlet di Kulaijaya dapat dilihat dari lebuh raya PLUS. Kami pun merancang untuk meninjau apa yang istimewanya tempat itu.

Pada hari kedua percutian selepas meninjau tanah paling hujung bagi benua Asia di Tanjung Piai, Pontian, kami memandu pula ke arah Johor Premium Outlet.

Saya pernah kunjungi Paris Outlet tahun lalu dan Belfast Outlet pada April lalu. Memang lokasi mana-mana outlet agak jauh dari pusat bandar.

Oleh kerana kedudukan Johor Premium Outlet di tepi lebuh raya, sepatutnya tidak sukar untuk ke sana. Tetapi rasanya ramai pelancong 'baru' ke Johor Premium Outlet akan sesat untuk ke sana kerana tidak ada satu pun papan tanda arah ke gedung beli-belah barangan berjenama itu.

Lokasi Johor Premium Outlet memang strategik tetapi sukar untuk 'menemuinya'. Tidak ada tanda arah ke sana baik dari lebuh raya ataupun di sepanjang Jalan Sekudai.

Ingatlah bukan semua kenderaan mempunyai GPS (Sistem Penentu Kedudukan Sejagat) untuk membantu pemandu ke tempat dituju.

Setelah puas sesat dan bertanya di tepi

**Pahit-Pahit  
Kopi**

**AZMAN ANUAR**  
azman.anuar@utusan.com.my



jalan, kami sampai akhirnya. Orang tempatan di Kulaijaya tak panggil Johor Premium Outlet tapi yang mereka tahu ialah JPO.

Wah hebat orang Johor sebab sudah ada cawangan Premium Outlet yang merupakan pertama di Asia Tenggara.

Maklumat yang saya baca, Johor Premium Outlet yang dibuka hujung tahun lalu merupakan syarikat usaha sama 50:50 antara Genting Plantations Bhd., dengan pemilik rangkaian Premium Outlets, Simon Property Group Inc. dari Amerika Syarikat.

Johor Premium Outlet merupakan pusat beli-belah pelbagai jenama terkenal yang menawarkan potongan harga dari 25 peratus sehingga 65 peratus setiap hari. Sebab itu berbondong-bondong rombongan Cik, Kiah ke sana.

Walaupun barangan sudah dipotong harganya, belum tentu ada yang mampu membelinya. Ataupun mungkin fesyen kasut, pakaian atau beg tidak memenuhi selera kita.

Sebab itu setelah puas keluar masuk kedai barangan berjenama antarabangsa seperti Adidas, Nike, Puma, Levis, Lacoste, Tommy Hilfige, Coach, Burberry, Zegna, Gap, Guess dan lain-lain hanya satu kedai berjaya menawan hati kami. Ada satu barang dibeli sebagai tanda kenang-kenangan kami pernah sampai di Johor Premium Outlet.

Namun ada satu peristiwa mengejutkan. Tidak disangka-sangka di sini ada barangan daripada *pig skin*. Di banyak tempat kini payah nak jumpa.

Kami kasihan kepada wanita Melayu yang bertudung tidak sedar dia telah menyarung kasut hitam haiwan hodoh itu.

Memang ada tanda nota *pig skin* pada rak kasut di satu sudut pameran terbuka di kedai itu. Tapi bila 'asyik' menelik, mencuba dan menggayakan jenama barangan terkenal itu, mana wanita perasan.

Mungkin bukan dia seorang yang terkena, tapi sudah beratus atau beribu wanita Islam terlepas pandang nota *pig skin*.

Bukankah lebih baik barangan daripada kulit babi itu tidak dijual langsung di kedai itu

atau mana-mana premis di Johor Premium Outlet. Keluarkan sahaja barangan kulit babi itu, ia tak menjejaskan bisnes kedai itu.

Kalau restoran dan hotel yang menjual makanan daripada daging babi dipantau oleh pihak berkuasa, takkan di Johor Premium Outlet dibiarkan bebas begitu sahaja.

Pihak berkuasa Kerajaan Negeri Johor buatlah sesuatu sebelum lebih ramai orang Islam tak pasal-pasal kena samak gara-gara *pig skin*.

Kalaupun kita mahu Johor Premium Outlet memainkan peranan dalam menarik lebih ramai pelancong tempatan dan antarabangsa seperti dari negara Arab dan negara jiran kita dalam ASEAN, pastikan dahulu faktor halal.

Kita tak mahu negara Islam Malaysia diburuk-burukkan angkara *pig skin*. Sebelum cerita memalukan ini tersebar, baik buang barangan *pig skin* dari Johor Premium Outlet.

Khabarnya dua lagi Premium Outlets akan dibuka di Sepang, Selangor dan Melaka kata Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen.

Katanya Premium Outlet di Melaka akan dibuka tahun ini, di Sepang beliau belum tahu bila akan dibuka.

Tapi perkara utama mesti dipastikan ialah tiada satu pun barangan *pig skin* dalam Premium Outlet di negara ini.